



UPM Terima Kemasukan 5,234 Pelajar Baru



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah beramah mesra dengan pelajar baru, Mohd Edren Fazilah.

SERDANG, 29 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima pendaftaran kemasukan seramai 5,234 pelajar baru bagi semester pertama sesi 2008/2009 pada 28 dan 29 Jun di dua buah kampusnya di sini dan di Bintulu, Sarawak.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata jumlah tersebut merangkumi 4,224 pelajar Bachelor dan 300 pelajar Asasi Sains Pertanian di kampus induknya di Serdang, sementara 710 pelajar Diploma mendaftar di kampus Bintulu.

Katanya bagi peringkat Bachelor, kluster Sains Gunaan mencatat pendaftaran pelajar baru teramai iaitu seramai 1,503 pelajar, diikuti Sains Sosial 1,430, Sains Tuln 622, Kejuruteraan Teknikal 496 dan Perubatan 173 pelajar.

Menurutnya Bachelor Perakaunan dan Bachelor Pentadbiran Perniagaan merupakan kursus Bachelor yang menawarkan pendaftaran pelajar baru teramai di UPM, masing-masing 200 pelajar setiap satu.

"Jumlah keseluruhan pelajar lelaki ialah 1,613 atau 30.81 peratus dan perempuan 3,621 atau 69.19 peratus," katanya.

Dr. Nik Mustapha berkata UPM juga menawarkan tempat pengajian kepada 27 atlet sukan bertaraf kebangsaan bagi mengikuti pelbagai program pengajian di UPM.

Katanya jumlah tawaran kemasukan pelajar baru seramai 5,234 itu berkurangan 889 pelajar berbanding tawaran seramai 6,123 pada tahun sebelumnya.

Sementara itu jurucakap Bahagian Akademik UPM memberitahu pendaftaran secara elektronik berkomputer dengan menggunakan Sistem Maklumat Pelajar telah dijalankan di kolej-kolej kediaman dan kesemua pelajar akan menginap di kolej kediaman.

Oleh Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia